

BAB 3

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bab ini menerangkan objektif serta skop kajian.

3.1 Objektif

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meninjau tanggapan orang ramai masyarakat Amerika Syarikat) terhadap masalah sosial dan gaya hidup di Amerika Syarikat. Kajian ini dilakukan dengan meninjau pendapat masyarakat Amerika syarikat mengenai perkara yang berkaitan dengan isu sosial khususnya seperti isu perkauman, isu keganasan dan isu alam sekitar. Seterusnya, beberapa perkara berhubung gaya hidup mereka juga akan dikaji. Ini termasuklah hal-hal berkaitan tabiat menonton TV, pandangan terhadap perlakuan seks (hubungan homoseksual dan hubungan seks bebas) dan perasaan mereka secara umum (ie. sama ada gembira atau tidak serta perasaan mereka terhadap perkahwinan mereka). Di samping itu, mengenalpasti faktor (seperti taraf pendidikan, umur, jantina, kaum, dan lain-lain) yang mungkin mempengaruhi isu perkauman, keganasan, alam sekitar dan gaya hidup masyarakat ini.

3.2 Skop Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu melihat gaya hidup masyarakat ini serta tanggapan mereka mengenai masalah sosial.

Masalah sosial yang akan diperbincangkan adalah tertumpu kepada tiga isu utama iaitu isu perkauman, isu keganasan dan isu alam sekitar. Di samping itu,

njaun ke atas latar belakang responden dan gaya hidup masyarakat turut dijalankan.

Berhubung latar belakang responden, fokus perbincangan adalah ke atas latar belakang responden secara keseluruhan untuk mendapat suatu gambaran umum terhadap sampel yang hendak dikaji. Ini termasuklah, status perkahwinan, araf pendidikan dan kelayakan, jenis pekerjaan dan pendapatan responden.

Gaya hidup responden pula dikaji dari sudut tabiat menonton TV, hubungan homoseksual, pelakuan seks dan perasaan mereka secara umum (gembira/tidak dan bahagia/tidak).

Isu perkauman dikaji dengan tujuan untuk melihat secara umum cara hidup kaum minoriti (kaum kulit hitam dan kaum lain-lain) berbanding kaum kulit putih. Ini termasuklah lokasi kediaman mereka, pandangan terhadap jiran tetangga dan sifat kejiranan, dan tinjaun ke atas sifat perkauman khususnya responden kulit putih. Di samping itu, kajian juga dilakukan ke atas percanggahan pendapat di antara kaum.

Isu keganasan pula dilihat dari sudut pemilikan senjata api. Seterusnya isu ini dilihat dari sudut pendedahan individu kepada keadaan melibatkan perlakuan keganasan. Misalannya, pengalaman terhadap perlakuan ganas. Bagi responden yang pernah menjadi mangsa keadaan ini, analisis turut melibatkan kajian ke atas faktor yang mempengaruhi situasi keganasan ini. Akhirnya, analisis dilakukan dengan mengkaji faktor yang mempengaruhi responden yang cenderung kepada situasi melakukan ganas (mirip bersifat ganas).

Bagi isu alam sekitar pula, kajian dilakukan dengan mengkaji faktor yang mempengaruhi kepada faktor keprihatinan terhadap alam sekitar.

3.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengenalpasti faktor yang mungkin mempengaruhi kewujudannya masalah sosial dalam suatu kumpulan masyarakat. Ini adalah kerana terdapat kajian menunjukkan bahawa terdapatnya perhubungan antara perasaan kegembiraan dengan status seseorang itu. Status seseorang dalam suatu masyarakat pula ditentukan oleh jenis pekerjaan, pendapatan serta taraf pendidikan yang dimiliki. Tambahan lagi tahap kebahagiaan seseorang pula adalah bergantung kepada kemampuan seseorang itu memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing. Oleh itu, semakin tinggi status seseorang itu maka semakin tingginya keperluan dan kehendaknya. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kurang kemampuan seseorang itu memenuhi keperluan dasarnya akan mengakibatkan sifat-sifat anti-sosial dan penyakit sosial, seterusnya mewujudkan masalah sosial (Etzioni, 1976: 42).

“For instance, a study of auto workers found mental health to vary with the worker's job level; the higher the skill, variety, responsibility, and pay of the job, the higher the average mental health. Among those holding positions offering less opportunity to satisfy basic needs, there was a high incidence of feelings of inadequacy, low self-esteem, anxiety, hostility, dissatisfaction with life, and low personal morale (Kornhauser, 1965: 89-126).”

Catatan di atas menjelaskan golongan yang tidak dapat memenuhi keperluan dasarnya kebanyakannya mempunyai perasaan tidak berkemampuan, perasaan rendah diri, perasaan bimbang dan gelisah, bersifat angkuh, perasaan tidak puas hati dan moral yang rendah.

Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi gambaran kasar tentang pandangan masyarakat terhadap isu-isu sosial, supaya cara-cara untuk menanganinya dapat dilakukan oleh pihak berkenaan dengan berkesan.

Oleh yang demikian, untuk menangani gejala-gejala sosial ini perlulah memahami corak kehidupan dan pendapat masyarakat itu terhadap isu-isu sosial. Bab seterusnya membincangkan tentang sumber data dan metodologi yang digunakan.